

28/07/1997

Spekulator umpama penjenayah

ALOR STAR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ekonomi negara membangun akan terus terdedah terhadap sabotaj penyamun antarabangsa yang menyebabkan kejatuhan nilai mata wang selagi masyarakat dunia tidak menganggap mereka sebagai penjenayah.

Perdana Menteri berkata, spekulator terbabit dan pihak lain yang bersekongkol dengannya mungkin akan terus menjalankan spekulasi untuk menjatuhkan nilai mata wang negara membangun bagi memaksa negara terbabit kekal dalam kemiskinan.

Sambil merujuk kepada ahli kewangan, George Soros, yang berpangkalan di Amerika Syarikat, Dr Mahathir berkata, pihak terbabit akan terus mengulangi tindakan sedemikian dengan berselindung di sebalik slogan mengamalkan pasaran terbuka.

"Benda ini (tindakan menjatuhkan nilai mata wang) akan berulang...sebab itu kita menganggapnya sebagai jenayah.

"Selagi masyarakat antarabangsa tidak menganggap ia sebagai jenayah dan mengambil tindakan, maka semua negara membangun akan terdedah kepada kemungkinan mereka disabotaj supaya kekal dalam kemiskinan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, negara membangun tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap dalang seumpama itu berikutan ketiadaan kekuatan tentera berbanding kuasa besar dunia yang boleh menggunakan undang-undang di negara mereka untuk bertindak menghakimi dalang terbabit.

"Kita (negara membangun) tidak boleh mengambil tindakan... kalau kita kuasa besar kita boleh gunakan undang-undang di luar negara.

"Kita boleh gunakan pasukan tentera untuk menangkap orang itu dan membawa mereka balik dan kita bicarakan di negara kita tetapi kita bukan negara besar... kita tidak boleh menghantar tentera untuk menangkap orang dan membicarakan mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian selepas menziarahi abang dan kakaknya, Mashahor Mohamad Iskandar, 73, dan Habsah Mohamad Iskandar, 76, yang dirawat di Hospital Pusat Pakar Utara (PPU), di sini hari ini.

Akhbar hari ini melaporkan Dr Mahathir mengesahkan Soros, ketua penasihat dan Kumpulan Quantum yang berpangkalan di Amerika Syarikat yang terkenal dan berpengaruh dalam pasaran pertukaran asing sebagai dalang menyebabkan kejatuhan nilai mata wang negara Asean sejak beberapa minggu lalu.

Perdana Menteri yang menyifatkan Soros yang berbangsa Yahudi keturunan Hungary sebagai penjenayah, berkata, kejatuhan itu menyebabkan ramai rakyat di rantau ini, termasuk Malaysia, menderita kerana menanggung kos yang tinggi berikutan terpaksa mengimport barangan luar.

Ditanya mengenai kenyataan jurucakap Jabatan Negara Amerika Syarikat, Nicholas Burns bahawa kejatuhan nilai mata wang di Asia Tenggara disebabkan tekanan ekonomi, Dr Mahathir berkata, tekanan ekonomi juga berlaku di Amerika Syarikat suatu ketika dahulu tetapi mereka yang bertanggungjawab atas keadaan itu dibicarakan dan dipenjarakan.

Tanpa menyatakan empat orang yang bertanggungjawab menjual saham tidak bernilai sehingga menyebabkan kejatuhan pasaran saham di Amerika Syarikat, Dr Mahathir berkata:

"Tekanan ekonomi juga berlaku di Amerika Syarikat ketika empat orang yang menjual saham tidak berguna... tetapi mereka akhirnya ditangkap dan dipenjarakan.

"Kita (negara membangun) menjadi mangsa... usaha kita membangunkan

negara selama 30 atau 40 tahun dirosakkan dalam sedikit masa saja.
(END)